



PETIKAN AKHBAR

Kerajaan sentiasa timbang cadangan dan penyelesaian untuk ringan beban rakyat – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 25 JUN 2021



KUALA LUMPUR, 25 Jun – Kerajaan sentiasa mempertimbangkan semua cadangan dan penyelesaian yang dikemukakan bagi meringankan beban rakyat terutamanya dalam mengharungi Fasa 1 dan fasa-fasa seterusnya Pelan Pemulihan Negara, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz.

Beliau berkata salah satu permintaan yang sering diterima Kementerian Kewangan adalah perlanjutan program i-Sinar dan i-Lestari.

“Kerajaan faham dan bersimpati dengan kesukaran yang dihadapi rakyat, malah saya juga secara peribadi ada kenalan dan saudara yang memohon i-Lestari dan i-Sinar dalam mereka menghadapi cabaran masa ini,” katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau, hari ini.

Pada masa yang sama, Tengku Zafrul berkata, ada juga pencarum dan pengulas ekonomi yang mengkritik kerajaan kerana mereka tidak mahu dividen dan simpanan hari tua rakyat tergugat disebabkan kerajaan membenarkan pengeluaran secara besar-besaran dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

“Apa yang saya cuba sampaikan di sini ialah ada pelbagai suara menyokong dan membantah. Kami akan cuba untuk mencari penyelesaian yang mampu memenuhi keperluan semua pihak,” katanya.

Menurutnya, Kementerian Kewangan dan KWSP sentiasa mendengar luahan dan keluhan rakyat dan Sesi Zoom dengan beberapa orang pengengaruh (influencer) yang diadakan baru-baru ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mendapatkan maklum balas bagi membentuk dasar dan inisiatif yang memenuhi keperluan dan kehendak rakyat.

“Baru kelmarin saya telah bermesyuarat bersama ketua pegawai eksekutif KWSP Datuk Seri Amir Hamzah dan pengurusan kanan KWSP bagi memperhalusi bantuan yang sesuai untuk Pelan Pemulihan Negara,” tambahnya.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022